

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE (KOTA TINGGI)**  
**TARIKH : 24 OKTOBER 2019**

**SOALAN**

**DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE [KOTA TINGGI]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kadar kejayaan Kerajaan hari ini dalam usaha untuk menarik pelabur asing kembali semula ke Malaysia selepas melakukan penambahbaikan dalam sistem tadbir urus negara sebagaimana pernah dinyatakan pada Kajian Separuh Penggal, RMK-11 yang lepas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam menghadapi era globalisasi yang kian mencabar, amalan tadbir urus yang baik dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan adalah merupakan tumpuan utama Kerajaan Pakatan Harapan yang diharap dapat menjadi pemangkin kepada aktiviti sektor swasta. Maka dengan sebab itu, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), antara lain memberi penekanan ke atas aspek pembaharuan institusi dengan amalan tadbir urus dan polisi yang baik selaras dengan hasrat untuk menarik pelaburan baru bernilai tinggi, mengekalkan pelaburan sedia ada dan juga bagi menarik pelabur kembali ke Malaysia dan seterusnya menjana pertumbuhan ekonomi negara.

2. Kedudukan Malaysia yang strategik serta persekitaran perniagaan yang kondusif membolehkan Malaysia terus di lihat sebagai sebuah ekonomi yang kompetitif dan berdaya saing sehingga dinobatkan sebagai destinasi pelaburan utama bagi pelabur-pelabur asing di rantau ini. Justeru itu adalah penting agar imej serta reputasi ini disokong dengan peningkatan amalan tadbir urus perkhidmatan awam yang baik dan cekap secara berterusan.

3. Penambahbaikan tadbir urus yang dilaksanakan ini telah membuahkan hasil di mana, nilai pelaburan yang diluluskan telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Untuk makluman, jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama yang diluluskan untuk tempoh Januari hingga Jun 2019 bernilai RM91.9 bilion, berbanding RM85.5 bilion pelaburan diluluskan untuk tempoh yang sama pada tahun 2018, peningkatan sebanyak 7.6 peratus.

4. Prestasi pelaburan dalam tempoh enam bulan pertama 2019 ini jelas menunjukkan peningkatan keyakinan pelabur-pelabur yang berterusan membuat pelaburan di Malaysia, disokong oleh polisi dan halatuju ekonomi yang diteruskan oleh pentadbiran semasa. Penekanan juga diberikan ke atas polisi pelaburan termasuk memudahcara proses, prosedur dan fasilitasi dari semasa ke semasa, bagi menarik pelaburan asing yang berkualiti dan berteknologi tinggi.

5. Dalam sektor perkilangan khususnya, jumlah pelaburan yang telah diluluskan bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 adalah sebanyak RM33.1 billion di mana RM25.1 billion atau 76% adalah daripada pelaburan langsung asing. Amerika Syarikat, China dan Singapura merupakan penyumbang pelaburan terbesar khususnya di dalam industri elektrik dan elektronik, teknologi pengangkutan dan industri pembuatan kertas. Justeru, pelaburan yang tinggi dalam separuh tahun pertama 2019 ini jelas menunjukkan keberkesanan Kerajaan hari ini dalam menarik pelaburan asing ke dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Bagi pelabur-pelabur asing yang telah bertapak di Malaysia, mereka terus menambah pelaburan dan mempelbagaikan projek mereka khususnya dalam projek berteknologi tinggi dan berintensifkan modal dan pengetahuan. Dalam hal ini, MITI dan MIDA yakin dan percaya bahawa menerusi aktiviti promosi yang berterusan dan misi pelaburan yang bersasar, keyakinan pelabur akan terus dapat dipertingkatkan sekaligus menarik lebih banyak pelaburan berkualiti pada tahun ini. Pada suku keempat tahun 2019, akan dijalankan dua Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke Eropah dan Jepun yang akan diketuai oleh YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri bertujuan untuk terus memacu perdagangan dan menarik pelaburan ke dalam negara.

7. Selain daripada aktiviti promosi bagi menarik pelaburan asing ke dalam negara, pelbagai usaha serta inisiatif lain akan terus dipergiatkan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi perniagaan kondusif bagi para pelabur. Di antaranya termasuk menyemak dan menambah baik sistem penyampaian Kerajaan menerusi inisiatif di bawah PEMUDAH yang mana telah banyak membuahkan hasil. Antaranya adalah kejayaan Malaysia menduduki tempat ke-15 pada tahun 2019 berbanding ke-24 pada tahun sebelumnya di dalam *World Bank's Doing Business 2019 Report*. Selain itu, Malaysia turut dinobatkan sebagai negara terbaik di dunia untuk melabur pada tahun 2019 oleh majalah edaran antarabangsa CEOWorld, mengatasi Singapura, Thailand, United Kingdom dan Jepun. Kedudukan positif daya saing negara yang diiktiraf oleh laporan-laporan antarabangsa tersebut telah sedikit sebanyak mempengaruhi keputusan para pelabur untuk melabur di Malaysia.

Sekian, terima kasih.